

455 - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْلَمَةَ عَنْ مَالِكٍ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ عُبَادِ بْنِ تَمِيمٍ عَنْ عَمِّهِ أَنَّهُ رَأَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُسْتَلْقِيًا فِي الْمَسْجِدِ وَاضِعًا إِحْدَى رِجْلَيْهِ عَلَى الْأُخْرَى وَعَنِ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ قَالَ كَانَ عُمَرُ وَعُثْمَانُ يَفْعَلَانِ ذَلِكَ

455- `Abdullah bin Maslamah meriwayatkan kepada kami daripada Malik daripada Ibni Syihab daripada `Abbaad bin Tamim daripada bapa saudaranya (`Abdullah bin Zaid bin `Aashim al-Maazini r.a.), bahawa beliau (`Abdullah bin Zaid bin `Aashim al-Maazini r.a.) pernah melihat Rasulullah s.a.w. tidur terlentang di dalam masjid sambil meletakkan salah satu dari dua kakinya di atas (kakinya) yang satu lagi.⁷⁵⁶ Juga daripada Ibni Syihab daripada Sa'id bin Musaiyyab, katanya: “Umar dan `Utsman selalu melakukan demikian.”⁷⁵⁷

بَابُ الْمَسْجِدِ يَكُونُ فِي الطَّرِيقِ مِنْ غَيْرِ ضَرَرٍ بِالنَّاسِ وَبِهِ قَالَ الْحَسَنُ وَأَيُّوبُ وَمَالِكٌ

59- Bab (Hukum) Masjid Yang Dibina Di Tengah Jalan Tanpa Membahayakan Orang Ramai.⁷⁵⁸ Ia Harus Menurut Al-Hasan, Ayyub Dan Malik.⁷⁵⁹

⁷⁵⁶ Selain di sini Imam Bukhari mengulang sebut hadits ini pada dua tempat lain, iaitu: (1) Di dalam كتاب الاستئذان dan (2) Di dalam كتاب اللباس. Muslim, Abu Daud, Tirmizi dan Nasaa'i juga meriwayatkannya di dalam kitab mereka masing-masing. Menurut Ibnu Batthaal dan Khatthaabi, hadits inilah yang memansuhkan hadits-hadits larangan yang tersebut di dalam nota sebelum ini. Ia disokong oleh atsar `Umar dan `Utsman yang mengiringinya. Kalau di dalam masjid pun Rasulullah s.a.w. telah tidur terlentang dengan menyilangkan kakinya, di luar masjid atau di tempat-tempat lain lebih-lebih lagi ia boleh dilakukan. Tujuan Bukhari menyusulkan hadits ini dengan atsar `Umar dan `Utsman ialah untuk menghapuskan kekeliruan tentang khususnya perbuatan seperti itu untuk Rasulullah sahaja. **Antara pengajaran dan panduan** yang terdapat di dalam hadits ini ialah: (1) Hadits ini menyatakan keharusan tidur terlentang di dalam masjid sama ada dengan berlunjur atau dengan meletakkan sebelah kaki di atas lutut yang diperdirikan. (2) Hadits ini juga menunjukkan keharusan tidur atau berehat di dalam masjid dengan pelbagai cara. (3) Segala perbuatan Nabi s.a.w. harus dijadikan ikutan dan panduan untuk amalan kecuali yang khusus dengan beliau. (4) Untuk mengetahui sama ada sesuatu perbuatan Nabi s.a.w. itu khusus dengannya atau tidak, perlulah dilihat pula perbuatan para sahabat sepeninggalan Baginda s.a.w. (5) Perbuatan sahabat besar Rasulullah s.a.w. terutamanya al-Khula' ar-Rasyidun merupakan sebab tarjih yang kuat. (6) Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya sangat mesra dengan masjid. Selain beribadat, bermesyuarat dan lain-lain di dalam masjid, mereka juga sering berehat dan tidur di dalamnya.

⁷⁵⁷ Maksudnya ialah dengan isnad yang sama juga Bukhari meriwayatkan daripada Ibni Syihaab daripada Sa'id bin Musaiyyab bahawa ... Dengan itu atsar ini tidak harus dikatakan mu'allaq. Ia bahkan maushul dengan sanad hadits di atas juga, lantaran yang tersebut sebelum Ibni Syihaab itu merupakan maushul. Ma'thuf 'alaihnya ialah Ibni Syihaab yang tersebut di dalam isnad hadits sebelumnya. Hakikat ini disokong oleh riwayat Abu Daud di dalam Sunannya, juga daripada `Abdullah bin Maslamah al-Qa'nabi daripada Malik daripada Ibni Syihaab. Di dalam Muattha' Imam Malik juga tersebut demikian.

⁷⁵⁸ Hasil penelitian terhadap tulisan pengkaji-pengkaji Sahih Bukhari dapat di simpulkan maksud beliau mengadakan tajuk bab ini. Ia antara lainnya bermaksud membantangkan lima perkara berikut: (1)

Menyatakan hukum membina masjid di tengah, di tepi atau dipinggir jalan. (2) Menarik perhatian kepada khilaf ulama dalam masalah ini. (3) Mengisytarkan kepada pendapat beliau sendiri dan pendapat jumhur ulama tentangnya. (4) Mengemukakan hadits yang menjadi pegangan golongan yang membolehkannya. (5) Mengisytarkan kepada kedudukan atsar-atsar yang menjadi pegangan golongan yang berpendapat tidak harus. Kebanyakan ulama berpendapat harus membina masjid di atas jalan orang ramai dengan syarat ia tidak membahayakan atau mengganggu mereka. Hafiz Ibnu Hajar mengemukakan pandangan al-Maziri dalam masalah ini. Kata al-Maziri: "Membina masjid di jalan milik sendiri harus dengan ijma' ulama. Di jalan milik orang lain tidak harus, juga dengan ijma' ulama. Di atas tanah milik orang ramai atau milik kerajaan yang diguna sebagai jalan pula harus dengan syarat tidak memudharatkan mereka." Berhubung dengan membina masjid di atas jalan pada tanah milik orang ramai atau milik kerajaan itu sebenarnya masih ada khilaf tentang keharusannya. Adakah ia harus tanpa kebenaran pihak berkuasa atau ia baru harus apabila ada kebenaran pihak berkuasa? Sufyan ats-Tsauri, Imam Ahmad dalam salah satu riwayat daripadanya dan segolongan ulama dalam mazhab Hanafi berpendapat, ia baru harus apabila ada kebenaran pemerintah. Tanpa kebenaran pemerintah ia tidak harus. Pandangan seperti ini juga ada dinukilkan daripada Ibnu Mas'ud dan Qataadah. Alasan mereka ialah menafa'at jalan itu adalah hak bersama umat Islam dan ra'yat jelata lain yang tidak beragama Islam. Maka tidak wajar ia dikhususkan untuk perkara tertentu walaupun berkaitan dengan ibadat atau ugama. Kedudukannya samalah dengan pembahagian harta milik bersama orang-orang Islam seperti dalam pembahagian tanah mati dan lain-lain. Campur tangan pihak berkuasa dan keizinannya adalah sesuatu yang perlu dalam menangani kes-kes seperti ini demi mengelakkan pergaduhan dan rasa tidak puas hati mana-mana pihak. Al-Hasan, Ayyub, Abu Hanifah, Malik, Syafi'e, Ahmad dalam salah satu riwayat daripadanya dan lain-lain tokoh pula berpendapat harus. Kerana pembinaan masjid di atas sebahagian jalan yang luas tidak akan memudharatkan orang-orang yang lalu lintas di situ. Hak laluan di jalan itu juga masih kekal tidak berubah tanpa ada sebarang halangan. Kedudukannya bagi mereka tidak sama dengan kes pembahagian harta Baitul maal atau harta orang ramai. Rabi'ah dan Imam Ahmad dalam riwayat ketiga daripadanya pula berpendapat, tidak harus sama sekali membina masjid di atas jalan umum. Sama ada jalan itu luas atau sempit. Masjid yang dibina di atas jalan umum boleh dirobohkan oleh pihak pemerintah dan tidak boleh kita bersembahyang di dalamnya. Al-Jauzajaani (Abu Ishaq Ibrahim bin Ya'qub al-Hafiz) mengharuskan pembinaan masjid di atas jalan umum dengan syarat jalan itu masih tinggal tujuh hasta luasnya. Beliau juga mengaitkan pendapat itu dengan Imam Ahmad. Tetapi kata Ibnu Rajab, pendapat itu tidak sahih dari Imam Ahmad. Ibnu Rajab berkata lagi: "Adapun hadits Nabi s.a.w. yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Abbaas r.a. bahawa Baginda bersabda: *إذا اختلقتُم في الطريق فاجعلوه سبعة أزرع* Bermaksud: Jika kamu berbeza pendapat tentang jalan, maka kamu berikanlah untuknya seluas tujuh hasta." (Hadits riwayat Ahmad, Baihaqi dan Ibnu Abi Syaibah). Ma'na hadits ini menurut Imam Ahmad dan tokoh-tokoh dalam mazhabnya ialah jika kamu hendak membuat jalan di atas tanah mati atau tanah yang dimiliki. Di sisi mereka ia tidak bererti harus membuat binaan di atas jalan yang luas sehingga tinggal tujuh hasta sahaja daripada jalan itu untuk laluan seperti kata al-Jauzajaani itu." Bagi Bukhari dan jumhur ulama, memang harus membina masjid di atas jalan umum yang luas walaupun tanpa mendapat kebenaran pihak berkuasa terlebih dahulu dengan syarat ia tidak memudharatkan, mengganggu atau menimbulkan rasa tidak puas hati mana-mana pihak. Maulana Rasyid Ahmad al-Ganggohi berpendapat: "Melalui bab ini Bukhari bermaksud menyatakan bahawa masjid adalah hak orang ramai seperti jalan juga. Oleh itu setiap orang daripada mereka boleh membina masjid di atas sebahagian jalan, jika ia tidak memudharatkan orang ramai. Tetapi setiap orang daripada mereka juga berhak menegah pembinaan masjid itu, walaupun pembinaannya tidak menimbulkan apa-apa kemudharatan. Pendek kata, setiap anggota masyarakat boleh membuat sesuatu yang tidak memudharatkan orang lain di atas jalan itu. Sama ada ia berfaedah untuk diri sendiri semata-mata atau ada juga faedahnya untuk orang lain. Sebagaimana setiap anggota masyarakat mempunyai hak untuk membuat sesuatu di atas jalan umum, setiap orang daripada mereka juga berhak menegah. Ini kerana jalan umum itu adalah hak bersama mereka." Dalil Imam Bukhari dalam masalah ini ialah hadits 'Aaisyah di bawah bab ini. Di dalamnya tersebut Abu Bakar telah membina masjid di halaman rumahnya. Sebahagian daripada halaman rumahnya merupakan jalan orang ramai. Rasulullah s.a.w. mengetahui semua itu kerana Baginda tiap-tiap hari pergi ke rumah Abu Bakar menurut hadits 'Aaisyah itu. Tetapi Baginda s.a.w. tidak menegur Abu Bakar. Ini jelas menunjukkan keharusannya. Itulah sebabnya tokoh-tokoh besar seperti Hasan al-Bashri, Ayyub as-Sakhtiaani dan Imam Malik juga mengharuskannya. Adapun atsar 'Ali dan Ibnu 'Umar yang melarang pembinaan masjid di atas jalan umum, maka kedua-duanya adalah tidak sahih. Menolak pendapat golongan yang berpegang dengan atsar-atsar itu juga sebenarnya merupakan salah satu maksud Bukhari mengadakan bab ini.

456- حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ بُكَيْرٍ قَالَ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ عُقَيْلٍ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ قَالَ أَخْبَرَنِي عُرْوَةُ بْنُ الزُّبَيْرِ أَنَّ عَائِشَةَ زَوْجَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَتْ لَمْ أَغْقِلْ أَبُوبَيٍّ إِلَّا وَهُمَا يَدِينَانِ الدِّينَ وَلَمْ يَمُرَّ عَلَيْنَا يَوْمٌ إِلَّا يَأْتِينَا فِيهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ طَرَفِي النَّهَارِ بُكْرَةً وَعَشِيَّةً ثُمَّ بَدَأَ لِأَبِي بَكْرٍ فَاثْنَتَى مَسْجِدًا بِفَنَاءِ دَارِهِ فَكَانَ يُصَلِّي فِيهِ وَيَقْرَأُ الْقُرْآنَ فَيَقِفُ عَلَيْهِ نِسَاءُ الْمُشْرِكِينَ وَأَبْنَاؤُهُمْ يَعْجُبُونَ مِنْهُ وَيَنْظُرُونَ إِلَيْهِ وَكَانَ أَبُو بَكْرٍ رَجُلًا بَكَاءً لَا يَمْلِكُ عَيْنُهُ إِذَا قَرَأَ الْقُرْآنَ فَأَفْرَغَ ذَلِكَ أَشْرَافَ قُرَيْشٍ مِنَ الْمُشْرِكِينَ

456- Yahya bin Bukair meriwayatkan kepada kami, katanya: Al-Laits meriwayatkan kepada kami daripada 'Uqail daripada Ibnu Syihab, katanya: 'Urwah bin az-Zubair meriwayatkan kepadaku bahawa 'Aaisyah isteri Nabi s.a.w. bercerita, katanya: "Semenjak aku mengerti, aku tidak mendapati dua ibubapaku kecuali mereka telah pun beragama Islam. Dan tidak berlalu kepada kami suatu hari pun melainkan Rasulullah s.a.w. datang kepada kami pada waktu pagi dan petang. Kemudian timbul fikiran kepada Abu Bakar untuk membina masjid. Lalu dibinanyalah sebuah masjid di halaman rumahnya. Abu Bakar bersembahyang dan membaca al-Qur'an di situ. Orang-orang perempuan musyrikin dan anak-anak mereka berdiri melihat Abu Bakar, mereka kagum dengannya dan terus melihatnya. Abu Bakar seorang yang mudah menangis. Dia tidak dapat mengawal dirinya daripada menangis apabila membaca al-Qur'an. Keadaan itu merisaukan pembesar-pembesar orang-orang musyrikin Quraisy.⁷⁶⁰

⁷⁵⁹ Bukan mereka bertiga ini sahaja mengatakan harus, malah jumhur ulama juga mengatakan harus seperti mereka. Bukhari menyebut nama mereka secara khusus di sini tidak kerana lain melainkan kerana ada riwayat yang terang daripada mereka berhubung dengan masalah ini.

⁷⁶⁰ Hadits ini adalah ringkasan hadits yang panjang. Imam Bukhari mengulang sebut athraafnya pada lapan tempat lain selain di sini. Pertama di bawah باب إذا اشترى متاعاً أو دابة. Kedua di bawah باب استئجار المشركين عند باب جوار أبي بكر في عهد النبي. Keempat di bawah باب إذا استأجر أجيراً ليغمل له بعد ثلاثة أيام الضرورة. Ketiga di bawah باب هجرة النبي صلى الله عليه وسلم وأصحابه إلى المدينة. Kelima di bawah باب هجرة النبي صلى الله عليه وسلم وعقده. Keenam di bawah باب هل يزور صاحبه كل يوم أو بكرة وعشيّة. Ketujuh di bawah باب التنعق. Kelapan di bawah باب هجرة النبي (ص) وأصحابه. Antara pengajaran, panduan dan hukum yang dapat diambil dari hadits ini ialah: (1) Keharusan membina masjid di atas jalan orang ramai dengan syarat ia tidak membahayakan atau mengganggu mereka. (2) Kelebihan Abu Bakar yang tidak dapat ditandingi. Beliau telah berusaha menyampaikan Kitab Allah al-Qur'an al-Karim kepada masyarakat ramai dalam keadaan nyawanya dan nyawa keluarganya terancam. (3) Rasulullah s.a.w. tiap-tiap hari mesti pergi ke rumah Abu Bakar pada waktu pagi dan petang. (4) 'Aaisyah lahir dalam keluarga muslim dan dibesarkan oleh kedua ibu bapanya yang muslim. Seingat-ingat 'Aaisyah kedua ibu bapanya telah pun muslim. Secara tidak langsung ia menunjukkan Abu Bakar dan Ummu Ruman memeluk agama Islam di peringkat awal lagi. (5) Ketika peristiwa ini berlaku, 'Aaisyah sudah cukup cerdik dan beliau sudah memahami segala apa yang berlaku di sekelilingnya. Riwayat ini merupakan hasil pemerhatian dan pengalaman beliau sendiri. Ia bukan termasuk dalam mursal shahabi. (6) Abu Bakar adalah orang yang mula-mula sekali membina masjid dalam sejarah Islam. (7) Abu Bakar bersembahyang dan membaca al-Qur'an di masjid yang dibinanya itu. (8) Ramai kalangan perempuan musyrikin Quraisy dan kanak-kanak

بَابُ الصَّلَاةِ فِي مَسْجِدِ السُّوقِ وَصَلَّى ابْنُ عَوْنٍ فِي مَسْجِدٍ فِي دَارٍ يُغْلَقُ عَلَيْهِمُ الْبَابُ

60- Bab Bersembahyang Di Masjid Pasar.⁷⁶¹ Ibnu 'Aun Bersembahyang Di Sebuah Masjid Dalam Satu Kawasan Perumahan Yang Ditutup Pintunya.⁷⁶²

mereka terpesona melihat Abu Bakar di masjidnya. (9) Abu Bakar seorang yang berhati lembut dan sangat bertaqwa kepada Allah. Beliau tidak dapat mengawal dirinya daripada menangis apabila membaca al-Qur'an. (10) Orang-orang musyrikin memang bimbang anak isteri mereka terpengaruh dengan Abu Bakar.

⁷⁶¹ Maksud utama Bukhari mengadakan tajuk bab ini ialah untuk menyatakan keharusan bersembahyang di masjid pasar seperti di masjid-masjid lain juga. Boleh dikatakan kesemua pensyarah Sahih Bukhari menerima kenyataan ini. Mereka cuma berbeza pendapat tentang maksud-maksud lain yang tersirat di sebalik tajuk bab ini dan tentang apakah yang dimaksudkan oleh Bukhari dengan masjid pasar itu. Berikut dikemukakan lapan pendapat tokoh-tokoh hadits mengenainya: (1) Masjid yang dimaksudkan oleh Bukhari di sini ialah masjid lughawi bukan masjid istilahi. Masjid lughawi bererti tempat sembahyang atau tempat yang disediakan untuk sembahyang sama ada ia berupa surau, madrasah atau kedai tempat seseorang berniaga itu sendiri dan sebagainya. Masjid istilahi pula ialah masjid sebenar menurut syara'. Alasan golongan ulama yang berpendapat begini ialah hadits Abi Hurairah yang dikemukakan oleh Bukhari di bawah bab ini jelas menunjukkan perbandingan di antara sembahyang berjama'ah di masjid dengan sembahyang seorang diri di rumah atau di pasar. Kalau di pasar juga seseorang itu bersembahyang dengan berjama'ah di masjid, tiada sebab kenapa pula pahalanya kurang. Kebiasaan umum menunjukkan sembahyang di rumah atau di pasar dilakukan secara bersendirian. Selain itu atsar Ibnu 'Aun juga menjadi sandaran golongan ini kerana beliau telah bersembahyang di sebuah masjid dalam satu kawasan perumahan yang ditutup pintunya. Masjid sebenar bukan begitu sifatnya, pintunya tidak boleh ditutup sehingga menghalang orang-orang yang hendak bersembahyang. Antara tokoh ulama hadits yang termasuk dalam golongan pertama ini ialah al-Kirmaani, an-Nawawi, Syah Waliyyullah, Rasyid Ahmad al-Ganggohi, Maulana Muhammad Hasan al-Makki (salah seorang murid Maulana Rasyid Ahmad al-Ganggohi) dan ramai lagi yang lain. (2) Tajuk bab ini dikemukakan oleh Bukhari dengan maksud menolak pendapat golongan Hanafiyyah. Ini ialah pendapat kedua al-Kirmaani. Kata al-Kirmaani, oleh kerana golongan Hanafiyyah berpendapat tidak harus (haram) membina masjid dalam kawasan perumahan yang tertutup sehingga menghalang orang-orang yang hendak bersembahyang memasukinya, Bukhari mengemukakan atsar Ibnu 'Aun yang menunjukkan keharusannya. Keadaan masjid di pasar juga lebih kurang sama dengan masjid dalam kawasan perumahan yang tertutup, di mana ia tidak akan dapat dimasuki apabila pasar ditutup. Bagaimanapun pendapat al-Kirmaani ini dibantah oleh Hafiz Ibnu Hajar dan lain-lain tokoh ulama hadits dan fiqh. Pendapat golongan al-Hanafiyyah yang sebenarnya menurut mereka ialah makruh membina masjid di kawasan seperti itu bukan haram. (3) Masjid yang dimaksudkan oleh Bukhari di dalam tajuk bab di atas ialah masjid istilahi bukan masjid lughawi. Imam Bukhari menyimpulkan keharusan membuat masjid istilahi di kawasan pasar dan bersembahyang di dalamnya daripada sabda Nabi s.a.w. di dalam hadits di bawah bab ini. Di mana Rasulullah s.a.w. telah menerima sembahyang seseorang secara bersendirian di pasar walaupun pahalanya kurang daripada sembahyang dengan berjama'ah di masjid. Kalau ia boleh bersembahyang seorang diri di pasar dan sembahyangnya dikira sah, kenapa pula sembahyangnya tidak akan sah dan kurang pahalanya kalau ia bersembahyang dengan berjama'ah di masjid pasar? Masjid tetap masjid biar di mana pun ia berada. Darjatnya tidak akan kurang semata-mata kerana ia berada di pasar. Bukankah semua masjid di muka bumi ini sama darjatnya selain tiga masjid yang dikecualikan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam haditsnya ini? لَا تُنَادِي الرَّحَالَ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدَ مَسْجِدِ الْحَرَامِ وَمَسْجِدِ الْقَصَى وَمَسْجِدِي هَذَا Bermaksud: Tidak boleh bersusah payah pergi kecuali ke tiga buah masjid. Masjidil Haram, Masjidil Aqsha dan Masjidku ini. (Hadits riwayat Bukhari, Muslim, Abu Daud, Ahmad, Nasaa'i, Tirmizi, Ibnu Majah, Ibnu Hibbaan, at-Thabaraani, ad-Dhiaa' al-Maqdisi dan lain-lain). Larangan pergi ke masjid-masjid lain selain ke tiga buah masjid yang tersebut itu tidak kerana lain melainkan kerana darjat semua masjid yang lain adalah sama jua. Antara tokoh yang mewakili pendapat ketiga ini ialah Ibnu Batthaal. (4) Mengisyratkan kepada kedha'ifan hadits الْبَقَاعُ الْأَسْوَأُ Bermaksud: Sesungguhnya tapak tanah yang terbaik (di bumi ini) ialah (tapak tanah) masjid-masjid dan sesungguhnya tapak tanah yang terburuk (di bumi ini) ialah (tapak tanah) pasar-pasar. (Hadits riwayat al-Bazzaar, at-

457- حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو مُعَاوِيَةَ عَنِ الْأَعْمَشِ عَنْ أَبِي صَالِحٍ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ صَلَاةُ الْجَمِيعِ تَزِيدُ عَلَى صَلَاتِهِ فِي بَيْتِهِ وَصَلَاتِهِ فِي سُوْقِهِ خَمْسًا وَعِشْرِينَ دَرَجَةً فَإِنْ أَحَدَكُمْ إِذَا تَوَضَّأَ فَأَحْسَنَ وَأَتَى الْمَسْجِدَ لَا يُرِيدُ إِلَّا الصَّلَاةَ لَمْ يَخْطُ خَطْوَةً إِلَّا رَفَعَهُ اللَّهُ بِهَا دَرَجَةً وَحَطَّ عَنْهُ خَطِيئَةٌ حَتَّى يَدْخُلَ الْمَسْجِدَ وَإِذَا دَخَلَ

Thabaraani, al-Hakim, al-Baihaqi dan lain-lain). (5) Kalau hadits itu sahih sekalipun ia tidak menghalang daripada membina masjid di pasar. Dengan membina masjid istihlahi atau masjid sebenar menurut syara' di pasar, sebahagian tapak tanahnya akan bertukar menjadi sebaik-sebaik tapak tanah. Pendapat (4) dan (5) ini adalah pilihan Hafiz Ibnu Hajar dan al-Qasthallaani. (6) Oleh kerana pasar adalah tempat sibuk dan tempat yang biasanya penuh dengan gegak gempita manusia, mungkin terlintas di hati seseorang bahawa masjid tidak harus dibina di pasar. Mungkin juga ada yang akan beralasan bahawa masjid tidak sesuai, bahkan tidak boleh dibina di pasar kerana masjid dan pasar adalah dua tempat yang bertentangan keadaannya. Mengangkat suara tidak dibenarkan di dalam masjid, sedangkan suasana riuh-rendah adalah sesuatu yang tidak dapat dipisahkan daripada pasar! Berjual beli tidak dibenarkan di dalam masjid, sedangkan pasar adalah tempatnya!! Untuk menghilangkan kekeliruan itulah Bukhari mengadakan bab ini. Apabila beliau berkata: "Bab Bersembahyang Di Masjid Pasar." Bererti beliau menerima keharusan membina masjid di pasar terlebih dahulu. Kemudian baru akan ada perbuatan bersembahyang di dalam masjid itu. Demikianlah pendapat Hafiz Badruddin al-'Aini dan guru penulis, Maulana al-Mufti Wali Hasan Khan. Masjid yang tersebut di dalam tajuk bab di atas bagi al-'Aini dan Muft Wali Hasan ialah masjid istihlahi bukan masjid lughawi. (7) Kalau sembahyang fardhu bersendirian di mana-mana bahagian pasar yang bersih sah, sembahyang fardhu dengan berjama'ah di masjid pasar juga sepatutnya lebih-lebih lagi sah. Kerana ia mendatangkan pahala yang lebih daripada sembahyang sendirian. Inilah pendapat as-Sindi dan Maulana Wahiduzz Zamaan. Bersembahyang di masjid pasar walaupun tidak tersebut di dalam hadits di bawah bab ini, tetapi ia difahami dan disimpulkan oleh Bukhari berdasarkan qaedah lebih-lebih lagi (من باب الأولى). (8) Maulana Muhammad Yahya (ayahanda Syeikh Zakariya) berpendapat, tujuan Bukhari mengadakan bab ini ialah untuk menyatakan keharusan bersembahyang di masjid lughawi iaitu di mana-mana saja tempat asalkan ia suci, termasuk di pasar. Untuk bersembahyang seseorang tidak semestinya pergi ke masjid istihlahi atau masjid sebenar. Lihatlah bagaimana Ibnu 'Aun bersembahyang di masjid lughawi. (9) Menurut Ibnu al-Munaiyyir, Imam Bukhari bermaksud menyatakan keharusan membina masjid di kawasan pasar, agar orang tidak lagi berfikir bahawa membina masjid di tempat tertutup seperti di pasar itu tidak harus, sama seperti tidak harusnya membina masjid untuk sembahyang Juma'at di kawasan tertutup. Untuk membuktikan keharusannya Bukhari menarik perhatian orang ramai kepada sembahyang Ibnu 'Aun di sebuah masjid dalam satu kawasan perumahan yang ditutup pintunya. Walaupun masjid itu tertutup, ia tetap dipanggil masjid. Hakumnya sama dengan hukum masjid-masjid yang lain. Imam Bukhari mengkhususkan masjid dengan pasar agar orang tidak lagi berfikir bahawa oleh kerana tapak tanah pasar adalah tapak yang paling buruk di muka bumi ini. Di situlah syaitan memacak benderanya, seperti tersebut di dalam hadits Nabi s.a.w. Maka tidak harus dibina masjid di atas tapak yang keji itu dan tidak patut juga beribadat padanya. Bersembahyang di tempat yang keji seperti itu terlarang sebagaimana terlarangnya bersembahyang di tengah jalan, di tempat-tempat yang pernah ditimpa azab, di bilik air dan sebagainya. Menerusi hadits di bawah bab ini Bukhari menjelaskan bahawa pasar juga merupakan tempat sembahyang seperti rumah. Kalau ia juga merupakan tempat yang layak untuk sembahyang, maka sepatutnya harus juga dibina masjid di situ. والله أعلم. Bagi Ibnu 'al-Munaiyyir, masjid pasar yang disebut Bukhari di dalam tajuk bab di atas itu adalah masjid sebenar atau masjid istihlahi bukan masjid lughawi.

⁷⁶² Ibnu 'Aun ialah 'Abdullah bin 'Aun bin Arthabaan al-Bashri. Beliau adalah seorang taabi'e. Sempat melihat Anas bin Malik. Kata Abu al-Ahwash: "Ibnu 'Aun di zamannya dipanggil penghulu al-Qurra'." Kata Kharijah: "Dua puluh tahun saya bersahabat dengan Ibnu 'Aun, tetapi saya percaya malaikat tidak ada menulis satu pun kejahatannya (dosanya)." Hisyam pula berkata: "Dia seorang manusia yang paling benar di zamannya." Beliau telah wafat pada tahun 105H. Atsar Ibnu 'Aun ini zahirnya tiada kaitan dengan masjid pasar. Tetapi kalau ia dilihat dari sudut pandang tokoh-tokoh hadits yang menganggap masjid pasar yang disebut Bukhari itu bukan masjid sebenar, terutamanya pendapat (8) yang dikemukakan tadi, patutlah kalau Bukhari membentangkannya selepas berkata: "Bab Bersembahyang Di Masjid Pasar."